

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 7, 2017 7:13 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Sukarelawan UUM Turun Padang Ringankan Beban



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



7 MAC 2017 / 8 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SUKARELAWAN UUM TURUN PADANG RINGANKAN BEBAN



UUM ONLINE: Seramai 250 mahasiswa UUM menyertai program Sukarelawan Barakah Mahasiswa sambil menyelami keperitan masyarakat yang dihipit kesusahan hidup.

Menurut pengarah program, Muhammad Fazreen Abu Bakar, 23, Sukarelawan Barakah Mahasiswa merupakan satu program yang diwujudkan atas usaha barisan pimpinan Persatuan Siswa Aman Makmur Negeri Kedah (ANSAR) bagi membantu menyalurkan bantuan kepada rakyat Kedah.

“Kami sedia menyumbang bakti untuk turun padang mendekati masyarakat dengan menyalurkan bantuan selain merapatkan jurang pelajar.

“UUM telah dipilih sebagai tempat pelancaran bagi program Sukarelawan Barakah Mahasiswa kerana tempatnya yang strategik berdekatan dengan kawasan yang akan di lawati bagi memberi sumbangan sekitar Sintok,” katanya.

Tambahnya, sukarelawan ini diwujudkan bagi menerapkan sikap kesukarelawanan dalam diri seseorang dan mengambil kira pembabitan mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan.

“Kerja bukan sahaja dengan jasad tetapi perlu disertai dengan niat, hati yang ikhlas mengharap redha Allah bukan penghargaan manusia, barulah kerja menjadi ibadah.

“Jangan kita terlalu memikirkan soal ganjaran dan berkira apabila memberi sesuatu kerana apa yang kita sumbangkan akan mendapat ganjaran yang berlipat kali ganda, inilah masanya mahasiswa memulangkan sesuatu kepada masyarakat,” luah pelajar Sarjana Muda Undang-Undang.

Ujarnya, program ini memberi pendedahan kepada anak muda untuk menyokong aktiviti kemasyarakatan, membudayakan kasih sayang sesama insan tanpa mengira latar belakang sekali gus membentuk sikap positif dan matang dalam melaksanakan tugas.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Setiausaha Politik Menteri Besar, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin, di Dewan Serbaguna Inasis TM, UUM.

Menurutnya, Skim Bantuan Rakyat Kedah (Barakah) merupakan usaha kerajaan negeri Kedah untuk memastikan setiap bantuan yang diagihkan sampai kepada golongan sasaran.

“Sehingga kini 20,000 kit barakah mengandungi barangan keperluan asas telah diserahkan kepada penerima sejak dilancarkan pada April tahun lalu,”” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menyerahkan 100 kit barang keperluan kepada sukarelawan yang akan mengagihkannya pada minggu depan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.